

07/03/2000

Lengkapkan pencalonan (HL)

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini mengarahkan semua bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan selepas ini, termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Jawatan itu ialah presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden dan 25 ahli MT.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Bahagian Kubang Pasu yang diketuainya dan sebelum ini mengambil pendirian berkecuali, kali ini turut diminta membuat pencalonan bagi semua jawatan itu.

Bagaimanapun, katanya, keputusan Umno Bahagian Tawau yang hanya menamakan dua calon untuk tiga jawatan naib presiden adalah sah kerana tindakan itu tidak melanggar peruntukan dan perlembagaan parti.

"Namun demikian, MT berpendapat sementara keputusan Tawau itu dibenar dan dikekalkan, bahagian lain hendaklah mencalon sepenuhnya iaitu tiga naib presiden dan 25 ahli MT.

"Semua bahagian mesti mencalonkan sepenuhnya, tidak dengan meninggal beberapa kekosongan. Jadi sekarang ini bahagian Kubang Pasu dikehendaki membuat pencalonan termasuk juga pencalonan untuk presiden dan timbalan presiden," katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama kira-kira tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

Umno Tawau, bahagian pertama yang mengadakan mesyuarat perwakilan Khamis lalu, hanya menamakan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad bagi jawatan naib presiden.

Sebanyak 16 bahagian Umno sudah mengadakan mesyuarat perwakilan mereka setakat ini dan semuanya mencalonkan Dr Mahathir untuk mengekalkan jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden.

Dr Mahathir berkata, walaupun mesyuarat MT pada 3 Januari lalu bersetuju supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan, bahagian masih perlu membuat pencalonan untuk dua kerusi itu.

"Apabila MT menasihati supaya tidak ada pertandingan untuk jawatan presiden dan timbalan presiden, ini bermakna mereka harus mencalonkan penyandang untuk jawatan presiden dan Abdullah yang telah menjalankan tugas-tugas timbalan presiden bagi jawatan Timbalan Presiden," katanya.

Mengenai sama ada perlu seseorang calon seperti Tengku Razaleigh Hamzah yang dicalonkan oleh Umno Bahagian Gerik, Perak bagi jawatan naib presiden semalam, untuk menerima pencalonan itu, Dr Mahathir berkata, ia tidak perlu.

"Tak perlu, tak perlu. Mereka boleh calon. Kalau orang yang dicalonkan tak nak, dia boleh buat kenyataan dia tak nak sama ada sekarang ataupun setelah dia dengar beberapa bahagian mencalonkannya.

"Dan mungkin dia berpendapat bahawa tak mencukupi (syarat kelayakan minimum) dan dengan itu dia tak nak bertanding. Itu adalah hak dia untuk menyatakan bahawa dia tidak ingin menjadi calon," katanya.

Dr Mahathir berkata, seseorang calon juga boleh menyatakan pendirian untuk menerima atau menolak pencalonan itu lebih awal sebelum disusuli surat rasmi.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob pula menjelaskan, selepas menerima semua pencalonan bahagian, ibu pejabat parti akan menghubungi

semua calon untuk bertanya sama ada mereka menerima atau menolak bagi mendapat kepastian secara rasmi.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan menemui semua ketua pergerakan Pemuda dan Wanita Umno untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai pelbagai isu terutama berhubung pilihan raya umum lalu.

"Saya akan dengar apa juga masalah dalam parti supaya dapat membuat nota untuk pulihkan parti," katanya sambil menambah, soal kempen tidak akan dibincangkan dalam pertemuan itu nanti.

(END)